



Pertunjukan **kawad senyap** dari Pasukan **KD Sri Tawau** ketika pelancaran rasmi PALAPES UMS di Kampus UMS Kota Kinabalu, 23 November lalu. [FOTO ZUNNUR AL SHAFIQ/BH]

# PALAPES UMS boleh guna aset TLDM

BH 07.12.2012 13

» Pasukan berpeluang berlatih guna kapal selam

► Kota Kinabalu

**M**eskipun baru setahun jang, Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Laut Universiti Malaysia Sabah (UMS) boleh berbangga menjadi pasukan beruniform pertama bernaung di bawah Angkatan Simpanan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Sabah dan Sarawak.

Ditubuhkan pada 1 September 2011, pasukan itu kini diperkuatkan dengan 60 anggota menerusi dua pengambilan iaitu Oktober tahun lalu dan tahun ini serta sembilan pegawai dan staf.

Kedudukan sebagai adik bongsu kepada sembilan Pasukan PALAPES Laut di institusi pengajian tinggi di Semenanjung tidak melemahkan semangat anggotanya untuk mendalami kemahiran ke-

tenteraan di laut.

Malah, anggota PALAPES Laut UMS memiliki kelebihan mendapat peluang berlatih di Pangkalan TLDM Teluk Sepanggar termasuk merasai latihan menggunakan aset ketenteraan laut terkini negara, iaitu kapal selam.

Penubuhan PALAPES Laut UMS juga diakui langkah strategik oleh Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Mohammed Noordin Ali berdasarkan tumpuannya dalam bidang marin.

"Majlis Angkatan Tentera yang bersidang pada mesyuaratnya yang ke-508 pada 27 Oktober 2011 meluluskan penubuhan unit PALAPES Laut di UMS berkuat kuasa 1 September 2011.

"Dengan penubuhannya, TLDM kini mempunyai 10 unit PALAPES Laut dan PALAPES Laut UMS adalah yang pertama ditubuhkan di Sabah dan Sarawak.

"UMS dipilih bukan saja disebabkan kedudukannya dekat Pangkalan TLDM, malah kita turut melihat minat universiti ini dalam bidang penyelidikan marin," katanya pada pelancaran



“ UMS dipilih bukan saja disebabkan kedudukannya dekat Pangkalan TLDM, malah kita turut melihat minat universiti ini dalam bidang penyelidikan marin ”

**Mohammed Noordin Ali**  
Timbalan Panglima Tentera Laut

rasmi PALAPES UMS di Kampus UMS Kota Kinabalu, 23 November lalu.

Selaras penubuhan PALAPES Laut UMS, TLDM menganugerahkan lencana pemerintah dan pangkat Kapten Kehormat Pasukan Simpanan Sukarela TLDM kepada Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah pada Oktober lalu.

### Diberi pangkat

Tiga kakitangan akademik UMS turut diberikan pangkat Komander Kehormat iaitu Dekan Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan, Prof Dr Mohd Sharifudin Md Shaarani; Pengarah Persediaan Sains dan Teknologi UMS, Dr Sazmal Effendi Arshad dan Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS, Dr Dayang Maryama Awang Daud.

Noordin berkata, penubuhan PALAPES Laut adalah antara usaha melahirkan modal insan yang bukan saja berkelulusan akademik, malah boleh memberi pe-

luang kepada graduan memba-bitkan diri dalam bidang ketenteraan sebagai Pasukan Simpanan Sukarela TLDM.

"Saya mengharapkan peluang menjalani latihan sebagai Pegawai Kadet PALAPES Laut selama tiga tahun di universiti dimanfaatkan sepenuhnya untuk menimba ilmu sebagai bekalan masa depan," katanya.

Sementara itu Dr Mohd Harun berharap kerjasama antara UMS dan TLDM menerusi penubuhan PALAPES Laut boleh diperluaskan meliputi bidang pendidikan, penyelidikan dan inovasi.

Beliau memberi contoh, Sistem Hyperbaric Recompression Chamber yang dimiliki TLDM boleh digunakan dalam pelbagai bidang penyelidikan seperti perubatan, fisiologi, kesihatan dan kecerdasan serta psikologi.

"Hasil penyelidikan dijalankan bersama memberi manfaat kepada aspek pembangunan modal insan TLDM dan masyarakat umum keseluruhannya," katanya.



**Mohammed Noordin** (kanan) menerima cenderamata daripada Mohd Harun pada pelancaran rasmi PALAPES UMS di Kampus UMS Kota Kinabalu.